

UPM, PDN anjur Kempen Derma Darah, tekankan kepentingannya dalam bidang perubatan dan sains kesihatan

Oleh: Nur Ilyana Ilias dan Sharifah Hannah Adibah Wan Serail



SERDANG, 22 Jan – Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Pusat Derma Darah (PDN) menganjurkan Kempen Derma Darah dengan slogan "A drop of blood, a million of hopes", menekankan kepentingan derma darah dalam bidang perubatan dan sains kesihatan.



Sukarelawan derma darah, Norhafizah Abd Rani, 37, berkata, masyarakat khususnya golongan belia hendaklah sedar bahawa menderma darah bukan sahaja tentang membantu menangani masalah kekurangan darah dalam tabung darah di hospital kerajaan.

"Kempen sebegini mampu memupuk tanggungjawab sosial terhadap kepentingannya dalam menyelamatkan nyawa mereka yang memerlukan.



"Program ini diharapkan dapat meningkatkan kesedaran tentang kebaikan menderma darah kepada penderma dan penerima serta memberi maklumat tentang keperluan untuk mengamalkan gaya hidup sihat demi kesihatan tubuh badan serta seterusnya berkontribusi baik kepada masyarakat dan lingkungan," katanya.

Dalam pada itu, kempen ini melibatkan seramai 109 sukarelawan derma darah dalam kalangan warga UPM.